



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : FIQH MUAMALAT**  
**KOD KURSUS : DPI 3193**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)  
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **13** HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Akad mempunyai peranan yang amat penting dalam sesebuah muamalah. Kesan pembentukan akad ini adalah amat besar sekiranya kontrak ini sah mengikut rukun dan syaratnya. Antara syarat pembentukan kontrak menurut muamalah Islam ialah
  - A pihak yang mengikat kontrak sahaja.
  - B pihak yang mengikat kontrak, siqah (lafaz) kontrak.
  - C pihak yang mengikat kontrak, subjek (barang) kontrak.
  - D pihak yang mengikat kontrak, subjek (barang) kontrak, siqah (lafaz) kontrak.
  
2. Takrif al-bai' menurut istilah para fuqaha' adalah
  - A akad yang merujuk kepada pemilikan sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal.
  - B akad yang merujuk kepada pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal.
  - C akad yang merujuk kepada pemberian sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal.
  - D akad yang merujuk kepada pengagihan sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal.
  
3. Berikut merupakan syarat-syarat dibenarkan khiyar aib
  - i. Pada kebiasaannya, kecacatan tersebut tidak wujud.
  - ii. Dapat dibuktikan kecacatan tersebut sememangnya sedia ada.
  - iii. Jual beli tersebut diteruskan dan dipersetujui dalam tempoh khiyar.
  - iv. Berdasarkan amalan perniagaan, kecacatan tersebut dianggap sebagai kecacatan yang boleh menjejaskan nilai barangan.
  - A i, ii
  - B i, ii, iii
  - C ii,iii, iv
  - D i,ii,iii, iv

4. Hukum Bai' Bithaman A'jil ialah
- A harus .
  - B haram.
  - C sunat.
  - D harus bersyarat.
5. Lafaz(sighah), iaitu penawaran dan persetujuan dengan kata-kata menunjukkan persetujuan untuk mewujudkan kontrak. Contoh lafaz penawaran (ijab):“Ambillah duit ini dan niagakanlah. Keuntungan yang diperoleh akan dibahagi dua sesama kita atau satu pertiga untuk saya dan dua pertiga untuk anda, melabur pada anda”. Contoh lafaz persetujuan(qabul): Pengusaha berkata: “Saya terima” atau “saya setuju”. Kedua-dua lafaz di atas merujuk kepada lafaz aqad
- A l'nah.
  - B Istisna'.
  - C Wakalah.
  - D Mudharabah.
6. Berikut merupakan syarat-syarat bagi rukun pertama, iaitu penjual dan pembeli bagi jual beli Salam antaranya ialah
- i. baliqh
  - ii. gila
  - iii. berakal
  - iv. sukarela
- A i dan ii
  - B i, ii, dan iii
  - C i, iii dan iv
  - D i dan iv

7. Manakah antara berikut bukan merujuk kepada bai' al-istisna'?
- A Akad meminta supaya melakukan sesuatu atau menempah sesuatu.
  - B Bai' al-istisna' membolehkan pembayaran dilakukan secara pendahuluan, akhir atau ansuran.
  - C Modus operandi bai' al-istisna' adalah sama dengan bai' al-salam terutama dari segi kaedah pembayaran dan komoditi(barang).
  - D Komoditi di dalam bai' al-istisna' merupakan produk pembinaan dan pembuatan contohnya kereta, rumah, pagar dan lain-lain.
8. Riba berlaku apabila membabitkan enam barangan berikut kecuali
- A emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam.
  - B emas, perak, gandum, barli, tamar dan tomato.
  - C emas, perak, bijirin, barli, kurma, garam, gula dan kicap.
  - D emas, perak, bijirin, barli, tamar, garam, gula dan dinar emas .
9. Sesuatu kontrak syarikat dikira tamat dengan beberapa perkara seperti berikut kecuali
- A pembubaran kontrak.
  - B kematian semua rakan kongsi.
  - C salah seorang ahli gila atau pengsan.
  - D salah seorang ahli sakit perut atau masuk hospital.
10. Wakalah merujuk kepada
- A menyimpan sesuatu ditempat yang khusus.
  - B menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain.
  - C mengupah orang lain melakukan sesuatu kerja.
  - D menyerahkan sesuatu urusan yang pada dasarnya boleh diuruskannya sendiri kepada orang lain supaya orang tersebut menguruskannya bagi pihaknya ketika dia masih hidup.

11. Manakah antara berikut merupakan syarat-syarat kepada rukun aqidan (dua pihak yang berkontrak) dalam kontrak al-rahn?

- I. Mukallaf.
- II. Kedua-dua pihak tidak dipaksa.
- III. Barang gadaian mestilah dalam bentuk benda.
- IV. Barang gadaian mestilah barang yang boleh dijual.

- A i dan ii
- B i, iii dan iv
- C i dan iv
- D i, ii, iii dan iv

12. Berikut merupakan faktor-faktor penamatan kontrak wadi'ah kecuali

- A penyimpan menuntut semula simpanannya.
- B penjaga menerima dan menjaga simpanan dengan sebaiknya.
- C penjaga menyerahkan semula barang disimpan kepada penyimpan.
- D penyimpan atau penjaga meninggal dunia kerana kontrak ini hanya berlangsung di antara dua pihak sahaja.

13. Hukum pembiayaan berdasarkan al-tawarruq adalah

- A wajib.
- B sunat.
- C harus.
- D tidak harus.

14. "Menjual barangan dan kemudian membeli semula barangan tersebut pada harga yang berbeza, dengan harga tertanggung yang lebih tinggi daripada harga tunai"

Pernyataan ini merujuk kepada konsep

- A Bai' salam.
- B Bai' inah.
- C Bai' tawarruq.
- D Bai' Bithaman Ajil.

15. Berikut merupakan jenis-jenis kontrak dalam muamalah Islam kecuali

- i. Ar rahnu – gadaian.
- ii. Al-wadiah – simpanan.
- iii. Al-faraid – pembahagian harta.
- iv. Al-nafakah – pembahagian nafkah.

- A i, ii
- B i, iii
- C iii, iv
- D i,ii,iii, iv

16. Terdapat tiga rukun dalam kontrak jual beli. Rukun pertama ialah pihak yang mengikat kontrak. Mereka ialah penjual dan pembeli yang mengikat kontrak menurut persetujuan mereka berdua. Namun, kedua-dua pihak ini perlu memenuhi syarat-syarat berikut kecuali

- i. bebas membuat pilihan ketika mengikat kontrak.
- ii. penjual dan pembeli adalah individu yang sama.
- iii. salah seorang daripada penjual dan pembeli tidak boleh melihat.
- iv. Waras, iaitu baliqh, berakal dan boleh menguruskan harta dengan baik.

- A i, ii
- B ii, iii
- C ii,iii, iv
- D i,ii,iii, iv

17. Khiyar dibenarkan sekiranya terdapat kecacatan atau keaiban terhadap barang yang dibeli. Pernyataan ini merujuk kepada jenis khiyar

- A khiyar syarat.
- B khiyar majlis.
- C khiyar aib.
- D khiyar yad.

18. Bai' Bithaman A'jil merupakan satu akad pembiayaan perbankan Islam yang bertujuan untuk membiayai kereta dan rumah. Manakah antara berikut bank yang menawarkan pembiayaan ini?
- A Maybank.
  - B Cimb bank.
  - C Bank Islam Berhad.
  - D Hong Leong Bank.
19. Kontrak mudharabah ditamatkan dengan beberapa perkara kecuali
- A persetujuan dua pihak.
  - B kematian salah satu pihak.
  - C kemusnahan modal pelaburan.
  - D salah satu pihak gila atau pengsan.
20. Urus niaga yang membabitkan mata wang yang diguna pakai hari ini dikategorikan sebagai barangan berunsur riba dan segala urusan dengannya boleh membabitkan riba sama seperti emas dan perak. Pernyataan tersebut jelas menunjukkan hukum asal jual beli mata wang adalah
- A harus.
  - B haram.
  - C sunat.
  - D makruh.
21. Menurut bahasa arab, syirkah bermaksud
- A perkongsian kerja dan harta.
  - B perkongsian untung dan rugi.
  - C perkongsian yang tidak membabitkan harta.
  - D perkongsian melalui kontrak atau tanpa kontrak.

22. Penamatan wakalah perwakilan berlaku berdasarkan perkara-perkara berikut kecuali
- A Persetujuan di antara kedua belah pihak.
  - B pembatalan salah satu pihak dalam menjalankan urusan.
  - C salah satu pihak hilang kelayakan kerana syarat tidak dipenuhi.
  - D perkara yang diwakilkan telah selesai dilaksanakan oleh semua pihak.
23. "Marhun bihi" di dalam rukun al-rahm merujuk kepada
- A modal.
  - B hutang.
  - C lafaz kontrak gadaian.
  - D penggadai dan penerima gadaian.
24. Wadi'ah merujuk kepada
- A gadaian.
  - B jual beli.
  - C simpanan.
  - D pertambahan/subur.
25. Hukum Bai' al-Inah adalah
- A harus
  - B haram
  - C tidak sah
  - D tidak harus

[25 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Muamalat menyentuh hal-hal berkaitan urus niaga di antara dua pihak mengikut Syariat Islam seperti konsep akad dan aplikasinya menurut muamalat Islam di samping perbandingannya dengan aplikasi masa kini.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, institusi perbankan Islam mempunyai kaedah operasinya yang tersendiri berbanding institusi perbankan konvensional. Jelaskan **dua(2)** senario pelaksanaan akad di perbankan Islam di Malaysia.  
(5 markah)
  
- b. Perbankan Islam di Malaysia tertakluk di bawah kawalan Akta Bank Negara. Setiap akad yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia tertakluk di bawah akta Bank Negara ini. Analisa **lima(5)** faktor penamatan sesuatu akad.  
(10 markah)

**SOALAN 2**

Mudharabah merupakan akad perkongsian. Perkongsian ini berlaku apabila pemilik menyerahkan hartanya kepada seseorang untuk diusaha dan diniagakan. Keuntungan pula akan dikongsi bersama. Konsep Mudharabah sering dikaitkan dengan pelaburan.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, mudharabah adalah satu konsep akad yang digunakan dalam pelaburan Islam di Malaysia. Bincangkan **dua(2)** pelaksanaan semasa pelaburan Islam yang terdapat di Malaysia.

(5 markah)

- b. Pelaburan mendatangkan pendapatan besar kepada sesebuah institusi kewangan di Negara. Analisa **lima(5)** keperluan kewujudan pelaburan berlandaskan Islam.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Wakalah ialah penyerahan sesuatu kerja yang perlu dilakukan dan boleh diwakilkan kepada pihak lain menggunakan lafaz tertentu untuk dilaksanakannya dalam tempoh hayatnya.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, penyerahan sesuatu urusan kepada pihak lain perlu disertakan dengan lafaz ijab dan qabul yang jelas. Bincangkan **dua(2)** amalan kaedah lafaz ijab dan qabul yang menunjukkan proses perwakilan telah dilaksanakan.

(5 Markah)

- b. Konsep perwakilan membolehkan individu menyerahkan urusan miliknya kepada pihak lain untuk diselesaikan. Konsep wakalah diharuskan sebagai satu keperluan dalam transaksi akad masa kini. Terangkan **lima(5)** masalah keharusan konsep perwakilan tersebut.

(10 Markah)

**SOALAN 4**

*Ba'i al tawarruq* merupakan salah satu kontrak syariah dan merupakan bentuk pembiayaan moden yang diaplikasikan oleh Institusi Kewangan Islam di Malaysia.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, bai' al-tawarruq merupakan instrumen pembiayaan dalam institusi perbankan Islam. Analisa **dua(2)** pembahagian aplikasi bai' al-tawarruq.

(5 markah)

- b. Bai' al- tawarruq merupakan kaedah alternatif kepada bai' al-inah. Bincangkan **lima(5)** pandangan ilmuan terhadap pelaksanaan konsep dan aplikasi bai'-al tawarruq dalam akad pembiayaan.

(10 markah)

**SOALAN 5**

Ar rahnū merupakan konsep gadaian yang menjadikan sesuatu barang yang bernilai sebagai cagarān kepada hutang dan akan digunakan untuk melangsaikan hutang jika hutang tersebut tidak dapat dibayar.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, ar rahnū merujuk kepada konsep gadaian Islam. Analisa **dua(2)** kategori komoditi yang tidak diharuskan menjadi barang gadaian.

(5 markah)

- b. Ar rahnū berkonsepkan gadaian berlandaskan Islam. Bincangkan **lima(5)** kepentingan pelaksanaan sistem gadaian Islam kepada masyarakat Islam.

(10 markah)

**[75 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**